



NOTA MAKLUMAT DAN PANDUAN MERIN
MARINE INFORMATION AND GUIDANCE NOTE

NMPM 55 / 2004

JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA

Ibu Pejabat Laut, Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.
Tel: 03-33467777 Fax: 03-3168 5289, 3167 2882 E-mail: kpgr@marine.gov.my
<http://www.marine.gov.my>

**ENDOSAN GMDSS-PERAKUAN AM OPERATOR ATAU GMDSS-PERAKUAN
TERHAD OPERATOR DI PERAKUAN KEKOMPETENAN**
*ENDORSEMENT OF GMDSS-GENERAL OPERATOR'S CERTIFICATE OR GMDSS-
RESTRICTED OPERATOR'S CERTIFICATE ON CERTIFICATE OF COMPETENCY*

Pemakluman kepada pemilik kapal, nakhoda, pegawai-pegawai kapal dan krew kapal
Notification to ship owners, masters, ship's officers and ship's crew

Mulai 1 Ogos 2004, setiap pegawai kapal yang memegang Perakuan Kekompetenan Malaysia yang telah berjaya menamatkan kursus GMDSS samada Perakuan Am Operator (GOC) atau Perakuan Terhadap Operator (ROC) perlu memperolehi endosan GMDSS yang berpatutan dari Jabatan Laut. Endosan ini adalah perlu bagi berkhidmat di atas kapal Malaysia.

Beginning 1 August 2004, every ship officer holding a Malaysia Certificate of Competency who has successfully completed the GMDSS course either General Operator's Certificate (GOC) or Restricted Operator's Certificate (ROC), must obtain the appropriate GMDSS endorsement from the Marine Department. This endorsement shall be necessary for serving on board Malaysian ships.

2. Pegawai – pegawai kapal yang sedang memegang perakuan kekompetenan Malaysia boleh memperolehi endosan GMDSS yang bersesuaian daripada mana-mana Pejabat Pelabuhan Jabatan Laut. Oleh itu setiap pegawai perlu memperolehi endosan bagi perakuan kekompetennya sebelum 1 Julai 2005.

2. Ship officers who are currently holding Malaysia Certificate of Competency may obtain the necessary GMDSS endorsement from any of the Marine Department's Port Office. In such cases every officer shall have their existing certificate of competency endorsed before 1 July 2005.

3. Mana-mana pegawai kapal yang pertama kali memperolehi perakuan kekompetenan dan dengan jayanya menamatkan kursus GMDSS yang berkaitan akan memperolehi endosannya apabila perakuan kekompetenan dikeluarkan oleh Jabatan Laut.

3. Ship officers who are obtaining their Malaysian certificates of competency for the first time and have successfully completed the relevant GMDSS course will have the endorsement made when the certificate of competency are issued by Marine Department.

4. Pegawai-pegawai kapal perlu mengemukakan dokumen yang berpatutan untuk mengesahkan bahawa mereka telah dengan jayanya menamatkan kursus GMDSS semasa permohonan bagi mendapatkan endosan GMDSS. Setiap endosan akan dikenakan bayaran RM20.00.

4. Ship officers must present the appropriate documents to verify that they have successfully completed the necessary GMDSS course upon application for the GMDSS endorsements. A fee of RM20.00 will be charged for every endorsement.